

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
(PASIR PUTEH)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan negara kita adalah di antara negara yang terkesan dengan kejatuhan harga minyak dunia. Dijangka harga rendah ini berterusan selama beberapa tahun. Apakah perancangan Kerajaan untuk berhadapan dengan kejatuhan hasil dalam negara dan ditambah pula dengan kejatuhan nilai ringgit. Apakah usaha Kerajaan untuk menstabilkan nilai ringgit.

JAWAPAN

Berikutan penurunan ketara harga minyak mentah dunia pada suku keempat tahun 2014, Kerajaan telah menyemak semula andaian harga

purata minyak mentah Brent bagi tahun 2015 daripada USD100 setong kepada USD55 setong. Oleh itu, hasil Kerajaan Persekutuan dijangka berkurang sebanyak RM13.8 bilion daripada anggaran asal. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah menyemak semula sasaran paras defisit 2015 daripada RM35.7 bilion kepada RM37 bilion atau sebagai peratusan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) daripada 3% kepada 3.2%. Paras defisit ini adalah lebih rendah berbanding 3.5% pada tahun 2014, sejajar dengan usaha konsolidasi fiskal Kerajaan Persekutuan. Sejak tahun 2009, kebergantungan Kerajaan kepada hasil berkaitan petroleum telah berkurangan dari 41.2% pada tahun 2009 kepada 30% pada tahun 2014. Ia dijangka akan terus berkurangan dengan unjuran bagi tahun 2015 ialah pada 27% daripada jumlah keseluruhan hasil Kerajaan.

2. Bagi memastikan sasaran paras defisit bagi tahun 2015 iaitu pada 3.2% dapat dicapai, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah konsolidasi fiskal melalui strategi peningkatan hasil. Antaranya ialah:

- (i) pelaksanaan GST yang bermula April ini dijangka akan membantu memberi pertambahan hasil kepada negara.

Sehingga Februari 2015, jumlah syarikat yang telah berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia adalah melebihi 300,000 buah syarikat berbanding sasaran asal sebanyak 240,000 buah syarikat. Pelaksanaan GST secara langsung akan memperluaskan asas cukai (*broaden the tax base*) dan mempelbagaikan hasil pendapatan negara supaya tidak terlalu bergantung kepada sumber hasil daripada petroleum yang bersifat berkurangan (*depleting*) dan juga cukai pendapatan yang dipengaruhi keadaan ekonomi semasa;

- (ii) Kecekapan sistem pentadbiran cukai juga ditambah baik dari segi pungutan dengan memanfaatkan kemajuan teknologi seperti *e-filing* bagi memudahkan pembayaran, meningkatkan pematuhan cukai termasuk melalui penguatkuasaan dan pengauditan cukai yang lebih baik;
- (iii) Selain itu, Kerajaan juga menjangkakan pertambahan dividen sebanyak RM400 juta daripada GLCs dan GLICs pada tahun 2015;

(iv) Memperteguh asas-asas ekonomi makro negara untuk meningkatkan lagi aktiviti ekonomi dan keuntungan sektor swasta, seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan hasil Kerajaan.

3. Di samping itu, harga minyak yang rendah dijangka akan memberikan kesan yang positif kepada ekonomi negara. Ini kerana penurunan harga minyak akan mengurangkan kos kepada perniagaan dan pengguna serta mengurangkan tekanan inflasi, seterusnya menggalakkan permintaan domestik melalui perbelanjaan penggunaan swasta (*private consumption*) yang lebih tinggi.

4. Manakala, penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit yang berlaku baru-baru ini bukanlah suatu kes terpencil dan ianya didorong terutamanya oleh faktor luaran. Mata wang serantau yang lain turut mengalami penyusutan nilai antara 1.1% sehingga 10.1% berbanding dolar AS bagi tempoh September 2014 hingga 5 Mac 2015. Pengukuhan dolar AS ini adalah disebabkan oleh prospek ekonomi AS yang semakin

baik dan kemungkinan kenaikan kadar faedah di AS yang menarik minat pelabur terhadap aset dalam nilai dolar AS. Selain itu, negara-negara pengeksport komoditi, termasuk Malaysia, turut mengalami kesan ekoran kejatuhan harga minyak mentah dunia.

5. Seperti mana-mana sistem kadar pertukaran yang fleksibel, turun naik jangka masa pendek adalah sesuatu yang mungkin berlaku, terutamanya dalam persekitaran global yang tidak menentu. Objektif dasar Kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia adalah untuk memastikan keadaan yang teratur dalam pasaran pertukaran asing ringgit dan mengelakkan turun naik yang ketara dalam kadar pertukaran. Ini adalah penting memandangkan Malaysia merupakan sebuah ekonomi yang sangat terbuka dengan aktiviti perdagangan dan pelaburan antarabangsa yang tinggi.

6. Dalam jangka masa panjang, trend ringgit akan mencerminkan asas-asas ekonomi Malaysia. Usaha-usaha yang dilaksanakan untuk membangunkan dan memperdalamkan pasaran pertukaran asing dalam negeri dari segi saiz dan instrumen juga telah membolehkan peniaga

tempatan untuk berlindung daripada terdedah kepada ketidakstabilan kadar pertukaran melalui perlindungan nilai.